

UTUSAN BORNEO

20 MEI 2021 (KHAMIS)

Sambutan Hari Bandar Raya Miri hari ini secara maya

MIRI: Majlis Bandaraya Miri (MBM) mengalu-alukan warga Miri menyertai majlis sambutan maya ulang tahun ke-16 Hari Bandar Raya Miri 2021 hari ini.

MBM dalam kenyataan media semalam berkata, ia merupakan majlis julung kali sambutan Hari Bandar Raya Miri disambut secara maya dalam usaha MBM mengekang

penularan COVID-19.

Acara sambutan diadakan pada jam 9 pagi dan disiarkan secara langsung dari laman media sosial Facebook Riam Institute of Technology Miri.

"Video siaran langsung disiarkan melalui aplikasi Zoom dan hanya terhad kepada 100 peserta.

"Oleh itu, mereka yang tidak dapat menyertai boleh

menyaksikan majlis sambutan melalui laman sosial Facebook Riam Institute of Technology Miri).

Acara dimulakan dengan ucapan aluan Datuk Bandar Adam Yii diikuti tayangan video sebagai simbolik pelancaran Hari Bandar Raya Miri dan pelancaran pertandingan melukis sempena ulang tahun bandar raya terbabit.